

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 22 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 02

## NIOSH minta pandangan TPM sebelum sedia kertas kerja

**KUALA LUMPUR 21 Feb.** - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) meminta pandangan daripada Timbalan Perdana Menteri mengenai kertas kerja Kabinet bagi menangani tragedi lemas yang meragut beberapa nyawa sejak kebelakangan ini.

Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pihaknya telah mengemukakan surat kepada Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini untuk menjelaskan perkara sebenar.

"Dalam surat berkenaan saya menyatakan bahawa Majlis Keselamatan Aktiviti Air yang bertanggungjawab menguruskan permasalahan itu telah ditubuhkan pada tahun 2015 dan penubuhan badan berkenaan adalah hasil idea saya sendiri dan diletakkan di bawah pemantauan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Rahman Dahlan ketika itu yang mengetuai kementerian berkenaan.

"Jadi adalah tidak bertepatan

sekiranya NIOSH yang berada di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia yang menyediakan kertas kerja sedangkan majlis berkenaan di bawah seliaan kementerian lain," ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai arahan Ahmad Zahid yang meminta NIOSH menyediakan kertas kerja Kabinet untuk dibentangkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot agar membolehkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan barisan menteri Kabinet memberi



**LEE LAM THYE**

pandangan.

Sehubungan itu Lam Thye berkata, pihaknya kini menunggu keputusan muktamad daripada pejabat Timbalan Perdana Menteri sebelum menyediakan kertas kerja berkenaan.

Lam Thye bagaimanapun memberitahu, pihak sangat menghargai keprihatinan kerajaan terhadap cadangannya untuk menubuhkan jabatan khas bagi menangani insiden masalah lemas.